

# Amerika tiada hak singkir Saddam: PM

20 JUL 2002

Oleh Wan Esuriyanti  
Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan tidak ada kerajaan di dunia ini, biar pun dari negara kuasa besar, yang berhak menukar kerajaan lain sebagaimana yang ingin dilakukan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Perdana Menteri berkata, adalah sesuatu yang tidak adil dan tidak demokratik jika Amerika ingin meneruskan hasrat menggunakan tindakan ketenteraan ke atas Iraq bagi menyingkirkan Presidennya, Saddam Hussein.

“Kita tidak fikir bahawa kerajaan lain mempunyai hak, tak kira betapa berkuasanya mereka, untuk menukar kerajaan negara lain. Ini adalah satu perbuatan yang tidak demokratik,” katanya dalam sesi dialog selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan Forum Antarabangsa Kuala Lumpur mengenai Islam (Kalif 2002) di Hotel Sheraton Imperial di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan daripada salah seorang pembicara Kalif 2002, Prof Robert Hefner dari Universiti Boston, Amerika Syarikat, mengenai kemungkinan kesannya ke atas usaha berterusan Malaysia yang menggalakkan Islam secara sederhana dan memandang ke hadapan, sekiranya Amerika menghantar pasukan tenteranya ke Iraq.

Presiden Amerika George W Bush sebelum ini pernah berikrar yang Washington akan menggunakan semua ‘cara yang ada’ padanya untuk menjatuhkan Saddam.

Dr Mahathir berkata, tindakan ketenteraan ke atas Iraq hanya akan meningkatkan lagi kebencian di kalangan rakyat Malaysia kerana pertengkaran Amerika ialah dengan Saddam, yang ia anggap sebagai seorang diktator, dan bukannya dengan rakyat Iraq.

Beliau berkata, adalah tidak adil sekiranya Amerika terus menghukum Iraq disebabkan mereka tidak dapat meneruskan hasratnya ke atas Saddam.

“Biarlah rakyat Iraq me-

nukar kerajaan mereka sekiranya mereka boleh, tetapi mereka tidak boleh. Tetapi, oleh kerana mereka tidak boleh, adalah tidak adil untuk menghukum mereka.

“Yang akan menderita adalah rakyat Iraq yang tidak mampu melakukan apa-apa (sekiranya Amerika meneruskan hasrat ketenteraan mereka). Ini akan menimbulkan banyak rasa benci dan di Malaysia, kami fikir ia adalah perkara yang salah,” katanya.

Perdana Menteri turut mempersoalkan mengapa Amerika memilih Iraq sedangkan terdapat negara lain di dunia yang juga memerlukan perubahan dalam kerajaan.

“Tetapi apabila anda fokus pada Iraq, rakyat yang akan menderita ialah rakyat Iraq yang tidak berdaya. Kemudian sudah tentu anda akan menimbulkan banyak rasa benci dan di Malaysia, kami fikir ia adalah perkara yang salah untuk dilakukan,” katanya.

Kepada soalan lain mengenai cara umat Islam dalam menangani isu Palestin. Dr Mahathir berkata,

perkara itu sebenarnya bukan satu masalah agama, tetapi masalah wilayah.

Katanya, sejarah telah menunjukkan bahawa orang Islam dan Yahudi boleh hidup bersama, malahan orang Yahudi sering berhiirah ke negara Islam setiap kali mereka ditindas dan dibunuh di Eropah.

“Pada masa itu, orang Islam percaya yang mereka boleh bertolak ansur dengan Yahudi. Malah, orang Yahudi juga dihormati di

tanah Islam, tetapi bila anda mengambil tanah Muslim, tanah rakyat Palestin dan memberi kepada rakyat Yahudi, pastinya itu tidak dapat diterima.

“Itu adalah tanah dan negara mereka, tetapi sekarang mereka dipaksa untuk tinggalkan tanah air sendiri dan menjadi pelarian,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sekiranya perkara yang sama berlaku di negara ini, rakyat Malaysia pastinya akan

menentang.

“Sama juga seperti orang lain. Sebagai contoh, jika satu tanah di United Kingdom diberikan kepada Perancis, saya rasa mereka boleh berperang,” katanya.

Bagi soalan mengenai konsep ummah di Malaysia, Dr Mahathir menjelaskan walaupun orang Islam terpisah mengikut kawasan masing-masing, tetapi bagi isu-isu tertentu, mereka sebenarnya dapat se-

pendapat dan mengambil tindakan bersama.

“Kami semuanya berasa marah mengenai Palestin misalnya, tetapi kami tidak mencapai persetujuan mengenai bagaimana kami patut mengendalikan masalah ini,” katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan kegagalan orang Islam menangani isu-isu yang menjejaskan ummah, orang Islam sebenarnya telah hilang pengaruh “mereka dalam hal ehwal dunia.